

UCSI lahir usahawan akuakultur

» **Lulusan dalam bidang ini boleh** bekerja sebagai usahawan dalam bidang akuakultur atau menjadi penyelidik di pelbagai agensi, pakar hidupan marin, pekebun akuakultur atau saintis makanan

Oleh Nor Azma Laila
bhskor@bh.com.my

Berlandaskan pemahaman saintifik pengurusan akuatik, program Diploma Akuakultur dengan Keusahawanan yang ditawarkan Universiti UCSI menumpukan kepada penerokaan, penambahbaikan serta pemuliharaan sumber makanan air tawar dan laut.

Pelajar yang mengikuti program ini didedahkan dengan cara menangani kebimbangan ekologi sejajar dengan peningkatan kepentingan akuakultur di kebanyakan negara membangun selain membincangkan kajian kualiti air dan pengurusan.

Dekan Fakulti Sains Gunaan Universiti UCSI, Prof Madya DR Chan Hor Kuan, berkata pengajaran dan pembelajaran akademik yang berkualiti serta penyelidikan dalam bidang bioteknologi, sains makanan, nutrisi dan sains akuatik menjadi teras

utama pendidikan di fakulti berkenaan.

“Di fakulti ini pelajar dapat mencungkil potensi mereka serta boleh dijadikan sebagai rumah untuk mereka yang bercita-cita mahukan laluan pantas dalam kerjaya berkaitan bidang sains.

Menjawat pelbagai jawatan

“Pelajar kita sering mendapat tempat dalam dunia pekerjaan malah ada yang sudah menerima tawaran kerja walaupun belum menamatkan pengajian. Alumni kita pula berjaya menjawat jawatan sebagai pengurusan kanan di syarikat multi nasional serta pendidikan,” katanya.

Pelajar yang mengikuti program ini akan didedahkan dengan subjek Biologi, Kimia, Mikrobiologi, Asas

Pengurusan, Ekologi dan Kemamanan, Undang-undang Perniagaan, Statistik, Makanan Etnik Malaysia serta Analitikal Kimia.

Pelajar yang berminat menyambung pengajian dalam bidang Diploma Akuakultur dengan Keusahawanan perlulah mendapat sekurang-kurangnya kredit tiga mata pelajaran, termasuk Matematik dan satu subjek Sains bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pelajar juga perlu mendapat kepujian bagi Bahasa Inggeris untuk lepasan SPM sebagai syarat wajib memohon untuk program berkenaan.

Graduan dalam bidang Diploma Akuakultur dengan Keusahawanan boleh bekerja sebagai usahawan dalam bidang akuakultur atau menjadi penyelidik di pelbagai agensi, pakar hidupan marin, pekebun akuakultur atau saintis makanan.



**Pelajar di UCSI turut
berpeluang** menggunakan
kemudahan makmal yang
disediakan di universiti berkenaan.